

13 FEB 1998

Anwar-Perkhidmatan

TINGKATKAN PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI, KATA ANWAR

SHAH ALAM, 13 Feb (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata perkhidmatan telekomunikasi di negara ini masih amat lemah dan usaha harus dibuat untuk meningkatkan infrastruktur yang berkaitan.

"Kualiti perkhidmatan harus ditingkatkan. Kita tidak berpuashati dan sebahagiannya kerana semua infrastruktur tiada lagi," katanya semasa merasmikan kilang telefon mudah alih pertama Malaysia yang dimiliki syarikat gergasi telekomunikasi Sweden, Telesonaktiebolaget LM Ericsson di sini.

Sambil memberikan contoh, Anwar berkata beliau menghadapi banyak masalah semasa menggunakan telefon mudah alih dalam perjalanan ke sesuatu majlis.

"Terdapat gangguan yang luar biasa yang pastinya tidak berlaku di Sweden...kita mempunyai banyak telefon tetapi infrastruktur tidak mencukupi."

Katanya ia merupakan sebab kenapa peserta telekomunikasi digesa bekerjasama dengan menggabungkan operasi mereka.

Anwar berkata operator sistem global bagi Mobile Telecommunications (GSM) dan Personal Communications Network System (PCN) perlu membina masing-masing kira-kira 1,200 dan 2,500 stesen.

"Oleh itu kepentingan kecil sesebuah syarikat harus diketepikan untuk memastikan mutu perkhidmatan yang lebih baik.

Anwar juga mengucapkan terima kasih kepada Ericsson kerana memilih Malaysia sebagai lokasi pertamanya di Asia Pasifik untuk mengeluarkan dan mengedarkan telefon mudah alih bagi memenuhi permintaan di rantau ini.

"Pelabur jangka panjang akan melihat keseluruhan suasana politik, ekonomi dan sosial dalam sesebuah negara itu.

"Malaysia, terutamanya di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menunjukkan bahawa kita konsisten dalam dasar-dasar kita dan Dr Mahathir mempunyai sokongan semua pihak, kerajaan dan rakyat,"katanya.

Ini penting dalam memastikan keyakinan yang lebih kukuh pelabur terhadap negara dan kerajaan komited untuk mengambil semua langkah yang perlu bagi memastikan keperluan para pelabur diberi perhatian.

Anwar berkata penyesuaian yang telah dilakukan terhadap dasar-dasar ekonomi makro mengambil kira bukan sahaja masalah jangka pendek tetapi juga kepentingan jangka sederhana dan panjang negara.

"Kita telah menyesuaikan dasar-dasar fiskal kita... malah kita telah mengambil langkah-langkah yang adakalanya tidak popular bagi memastikan proses penstabilan makro ekonomi tidak terganggu.

Beliau juga berkata walaupun negara amat berbangga dengan tenaga kerjanya yang berdedikasi dan berdisiplin, para pekerja Malaysia dan profesional muda harus terus memperluaskan horizon dan meningkatkan keupayaan mereka.

Anwar berkata mereka sepatutnya mengikut contoh Dr Mahathir yang semalam menghabiskan masa satu hari mendengar input kapten-kapten industri antarabangsa yang terlibat dengan projek Koridor raya Multimedia (MSC).

"Kita merayu kepada mereka (para pekerja) untuk terus belajar bagi membuktikan rakyat Malaysia boleh menghasilkan yang cemerlang," katanya.

Beliau juga berkata daripada lawatannya baru-baru ini ke beberapa negara di rantau ini, beliau dapat merasakan semangat keakraban di kalangan

negara-negara terlibat untuk mengharungi kesukaran ekonomi sekarang.

Terdahulu Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Ericsson yang akan bersara Dr Lars Ramqvist berkata syarikat itu yang telah berada di Malaysia lebih daripada 30 tahun, akan tetap terus berada di sini.

Katanya Ericsson mencatatkan jualan US\$20 bilion tahun lepas dan menggaji 100,000 pekerja dalam 130 negara. -- BERNAMA

MAM RON